



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 4 TAHUN 2025

**PINDAAN KADAR DAN TAMBAHAN KADAR DENDA SERTA BAYARAN BERKAITAN
PENGURUSAN HAL EHWAL AKADEMIK BAGI PROGRAM ARUS PERDANA DAN
PROGRAM KERJASAMA AKADEMIK DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
1 Februari 2025

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1 Februari 2025

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK BILANGAN 4 TAHUN 2025

PINDAAN KADAR DAN TAMBAHAN KADAR DENDA SERTA BAYARAN BERKAITAN PENGURUSAN HAL EHWAL AKADEMIK BAGI PROGRAM ARUS PERDANA DAN PROGRAM KERJASAMA AKADEMIK DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 2/2025 pada 27 Januari 2025 telah bersetuju dengan Pindaan Kadar dan Tambahan Kadar Denda serta Bayaran Berkaitan Pengurusan Hal Ehwal Akademik bagi Program Arus Perdana dan Program Kerjasama Akademik di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Semakan kadar bayaran denda sudah lama tidak dilaksanakan iaitu hampir 21 tahun.
- 2.2 Kali terakhir kadar-kadar seperti berikut diluluskan adalah seperti berikut:-
 - i) Kadar Denda dan Bayaran Berkaitan Pengurusan Hal Ehwal Akademik UPSI adalah pada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-20 Bil. 3/2003, iaitu 21 tahun yang lalu;
 - ii) Garis Panduan Pengurusan Dan Kadar Yuran Dan Bayaran Program Pesisir/Khas diluluskan adalah pada tahun Mesyuarat LPU Kali Ke-123 Bil. 3/2019 pada 15 Mei 2019.
- 2.3 Terdapat keperluan untuk menyemak semula kesesuaian kadar-kadar denda termasuk yang dikenakan pada perkara-perkara tertentu mengambil kira perubahan pada Kaedah Akademik yang sedang berkuat kuasa dan perkembangan semasa.

3.0 CADANGAN PELAKSANAAN

- 3.1 Pelaksanaan Pindaan Kadar dan Tambahan Kadar Denda serta Bayaran Berkaitan Pengurusan Hal Ehwal Akademik bagi Program Arus Perdana dan Program Kerjasama Akademik di Universiti Pendidikan Sultan Idris akan berkuat kuasa pada Semester 2 Sesi 2024/2025.
- 3.2 Pindaan Kadar dan Tambahan Kadar Denda serta Bayaran Berkaitan Pengurusan Hal Ehwal Akademik bagi Program Arus Perdana dan Program Kerjasama Akademik di Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah seperti di **Lampiran A**.

4.0 KEPUTUSAN MESYUARAT


- 4.1 Kadar denda telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 2/2025 pada 27 Januari 2025, dan
- 4.2 Mesyuarat Jawatankuasa Sewaan dan Kadar Bil 4/2024 pada 17 Disember 2024.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2025.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”



(SUHAILA SIDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik

PINDAAN DAN TAMBAHAN KADAR DENDA SERTA BAYARAN BERKAITAN PENGURUSAN HAL EHWAL AKADEMIK BAGI PROGRAM ARUS PERDANA DAN PROGRAM KERJASAMA AKADEMIK DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

- Pelajar boleh dikenakan denda sekiranya gagal mematuhi mana-mana peraturan yang telah ditetapkan dalam Peraturan Akademik Universiti.
- Kadar denda telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 2/2025 pada 27 Januari 2025, dan Mesyuarat Jawatankuasa Sewaan dan Kadar Bil 4/2024 pada 17 Disember 2024 seperti berikut:-

BIL.	PERKARA	KADAR (RM)
KEMASUKAN		
1.	Yuran proses kemasukan.	50.00
2.	Cetakan semula surat tawaran.	30.00
PENJADUALAN		
1.	Pelajar tidak membuat pra pendaftaran kursus.	100.00
2.	Kelewatan mendaftar semester (selepas tempoh ditetapkan).	50.00
3.	Permohonan meneruskan pengajian selepas gugur status sebagai pelajar kerana tidak mendaftar semester atau mendaftar kursus.	100.00
4.	Kelewatan Tambah atau Gugur Kursus dan kelewatan membuat perubahan status kursus.	100.00/kursus
PEPERIKSAAN		
1.	Gagal Membawa Slip Menduduki Peperiksaan (yang bercetak) dan Kad Pelajar ke Dalam Dewan Peperiksaan.	20.00/kursus
2.	Gagal mematuhi etika pakaian ketika menghadiri peperiksaan akhir (mengikut kadar yang ditetapkan oleh Bahagian Perundangan).	20.00/kursus
3.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Khas.	150.00/kursus
4.	Rayuan Semakan Semula Gred Keputusan (satu kursus).	200.00/kursus
5.	Rayuan Meneruskan Pengajian (Gagal Atau Diberhentikan).	100.00
6.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Gantian.	50.00/kursus
7.	Permohonan Perjawatan Pembantu Peperiksaan Sambilan (PPS).	10.00/permohonan

A. Program Arus Perdana

BIL.	PERKARA	KADAR (RM)
PENGIJAZAHAN		
1.	Kelewatan Memulangkan Pakaian Akademik (set pakaian). (tertakluk kepada kadar maksimum RM 500.00)	10.00 sehari
2.	Pakaian Akademik (Jubah) rosak(kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	300.00
3.	Pakaian Akademik (Jubah) hilang (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	600.00
4.	Pakaian Akademik (Mortar Board (Topi) rosak (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	70.00
5.	Pakaian Akademik (Mortar Board (Topi) hilang (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	140.00
6.	Pakaian Akademik Hood (Selempang) rosak (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	40.00
7.	Pakaian Akademik Hood (Selempang) hilang (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	80.00
8.	Satu (1) Set Pakaian Akademik rosak (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	400.00
9.	Satu (1) Set Pakaian Akademik hilang (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	800.00
10.	Cetakan semula transkrip atau skrol (versi Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris).	150.00
11.	Cetakan semula surat tamat pengajian.	30.00 sekali cetak
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN REKOD		
1.	Pengesahan rekod pelajar oleh pihak luar (Permohonan dari agensi pekerjaan/ swasta/ orang awam mengenai rekod pelajar).	100.00/permohonan

B. Program Kerjasama Akademik

BIL.	PERKARA	KADAR (RM)
1.	Honorarium Jawatankuasa Panel Penilai (JKPP) layak dibayar setiap kali auditan dan laporan selesai dihantar ke urus setia. Ia terpakai kepada semua jenis program kerjasama akademik: i) Audit Lokasi ii) Audit Kawalan Kualiti dan Piawaian	500.00 / satu sesi 700.00 / satu sesi
2.	Caj validasi (audit lokasi DAN audit kualiti) bagi program francais sahaja, UA/US perlu membayar ke UPSI:- i) sebelum program dimulakan, dan ii) setiap tahun sepanjang program dijalankan.	5,000.00 5,000.00
3.	Wang cagaran (Jaminan Bank) bagi setiap program (bagi program francais sahaja).	30,000.00
4.	Pengesahan rekod pelajar oleh pihak luar (Permohonan dari agensi pekerjaan/ swasta/ orang awam mengenai rekod pelajar).	100.00/permohonan
KEMASUKAN		
1.	Yuran proses kemasukan	50.00
2.	Cetakan semula surat tawaran	50.00
3.	Ujian MEdSI	10.00/calon
PENJADUALAN		
1.	Jika kuliah dijalankan tanpa pendaftaran semester dan kursus pelajar, Fakulti boleh dicaj oleh BHEA/IPS.	200.00/seorang pelajar
PEPERIKSAAN		
1.	Tidak mematuhi etika pakaian ketika menghadiri peperiksaan akhir.	20.00/kursus
2.	Permohonan Menduduki Peperiksaan Khas/ Gantian	300.00/kursus
3.	Rayuan Semakan Semula Gred Keputusan	300.00/kursus
4.	Rayuan Meneruskan Pengajian (Gagal Atau Diberhentikan)	800.00

B. Program Kerjasama Akademik

BIL.	PERKARA	KADAR (RM)
PENGIJAZAHAN		
1.	Kelewatan Memulangkan Pakaian Akademik (set pakaian) (tertakluk kepada kadar maksimum RM 500.00)	10.00 sehari
2.	Pakaian Akademik (Jubah) rosak (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian)	300.00
3.	Pakaian Akademik (Jubah) hilang (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian)	600.00
4.	Pakaian Akademik (Mortar Board (Topi) rosak (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian)	70.00
5.	Pakaian Akademik (Mortar Board (Topi) hilang (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian)	140.00
6.	Pakaian Akademik Hood (Selempang) hilang (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	80.00
7.	Satu (1) Set Pakaian Akademik rosak (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	400.00
8.	Satu (1) Set Pakaian Akademik hilang (kadar yang sama untuk semua peringkat pengajian).	800.00
9.	Cetakan semula transkrip atau skrol (versi Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris).	150.00
10.	Cetakan semula surat tamat pengajian.	30.00 sekali cetak

Disediakan oleh;
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Februari 2025